

# PM: Pengusaha tempatan tak perlu gentar



■ PERDANA Menteri mengangkat tangan membalas tepukan gemuruh kira-kira 2,000 ahli MCA Wilayah Persekutuan di seminar itu.

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengusaha-pengusaha tempatan tidak perlu gentar untuk menceburi sebarang perniagaan dan industri meskipun barang yang hendak dikeluarkan telah banyak ada di pasaran.

Perdana Menteri yakin dalam tempoh beberapa tahun sahaja barang-barang yang akan dikeluarkan pasti mendapat sambutan jika mutunya baik dan sendang dengan yang telah ada di pasaran.

Misalnya, kata beliau, jika terlalu memikirkan pakalan siap banyak terjual di kedai-kedai, tidak perlulah ada kedai menempah pakalan.

Berucap merasmikan Seminar 'Ke Arah Era Baru Ekonomi' anjuran MCA Wilayah Persekutuan di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Ketika saya melawat Korea Selatan dalam tahun 1980 lalu, saya berkesempatan melawat sebuah syarikat membina kapal di Hyundai. Syarikat itu membina kapal seberat sejuta tan bagi setiap dermaga," jelasnya.

Beliau berkata, meskipun ketika itu dunia mengalami kelesetan ekonomi dan industri perkapalan mengalami kesan yang teruk tetapi syarikat itu terus melaksanakan rancangannya.

Kini terbukti bahawa ia menjadi sebuah syarikat eksport terbesar di Korea Selatan sehingga kapal dari syarikat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pada hari ini kerja membina kapal itu melimpah-limpah hingga ia terpaksa membinanya di daratan.

Kawasan Ulsan, tempat industri itu dijalankan, dulunya hanya mempunyai 15,000 penduduk tetapi dalam tempoh lima belas tahun menjadi 250,000 orang, termasuk separuh yang bekerja dengan syarikat itu.

Perdana Menteri membangkitkan masalah itu kerana difahamkan adanya pengusaha yang takut memulakan perniagaan mereka kerana terpengaruh oleh keadaan pasaran dan keadaan ekonomi sekarang.

Beliau juga dipercayai menangkis dakwaan setengah pihak bahawa beberapa industri berat yang dijalankan oleh kerajaan sekarang tidak kena pada waktunya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi takrif sebenarnya pemindahan teknologi yang banyak disalahfahsirkan oleh syarikat dan negara tertentu.

Katanya, matlamat pemindahan teknologi itu adalah untuk membolehkan rakyat tempatan mempelajari dan kemudian mengeluarkan bahan tertentu sehingga membolehkannya bersaing dengan syarikat atau negara yang membawa masuk teknologi itu.

Perdana Menteri menjelaskan, pemindahan teknologi itu bukanlah sekadar mengajar dan menyediakan pekerjaan serta memberi latihan kepada rakyat tempatan.

Katanya, meletakkan jurutera dan kakitangan untuk mengendalikannya sesebuah perusahaan bukanlah takrif sebenar pemindahan teknologi.

Bagaimanapun, beliau berkata, proses pemindahan teknologi itu terpaksa dijalankan secara perlahan.

Memetik perbualannya dengan pengusaha yang bertanyakan mengenai takrif pemindahan teknologi itu dua hari lalu, Perdana Menteri berkata, matlamat pemindahan teknologi itu akhirnya akan membolehkan rakyat tempatan menyediakan keluaran sendiri dan bersaing dengan mereka.

Mengenai konsep pengswastaan, beliau berkata, ia tidak akan dijalankan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, langkah menyerahkan perkhidmatan kepada sektor swasta itu adalah searas dengan matlamat awal penubuhan sesebuah kerajaan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia